



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Semua Ketua Pengarah / Ketua Eksekutif Jabatan dan Agensi,
Semua Setiausaha Bahagian / Ketua Unit,
Semua Pengarah Pejabat Negeri,
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

ARAHAN PENTADBIRAN BIL. 1 TAHUN 2026

PENGUNAAN KERTAS A4 BERWARNA PUTIH BAGI URUSAN RASMI KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

1. TUJUAN

Arahan Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan semua warga Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta jabatan dan agensi di bawahnya mengenai penggunaan kertas A4 berwarna putih bagi urusan rasmi Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya.

2. LATAR BELAKANG

Kementerian dalam usaha memperkukuh langkah penjimatan perbelanjaan Kerajaan serta menggalakkan penggunaan sumber secara berhemah di semua bahagian, jabatan dan agensi di bawah Kementerian ini.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Penggunaan kertas A4 berwarna putih sahaja untuk semua urusan rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada surat-menyurat, memorandum, laporan, kertas kerja dan dokumen pentadbiran lain secara optimum dan tanpa pembaziran.
- 3.2 Pengecualian diberikan kepada dokumen urusan kewangan yang **dibenarkan menggunakan kertas berwarna** mengikut aturan sedia ada.

4. **TARIKH KUAT KUASA**


Arahan Pentadbiran ini berkuat kuasa serta merta.

5. **PEMAKAIAN**

Arahan Pentadbiran ini adalah terpakai bagi semua warga Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta jabatan dan agensi di bawahnya.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

A handwritten signature in black ink, consisting of a stylized circle followed by a horizontal line and a small flourish.

(DATO' SHAHARUDDIN BIN ABU SOHOT)

Ketua Setiausaha

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Tarikh : **4** Februari 2026